



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

TANDUS IMAN, KEMARAU JIWA

Tarikh Dibaca:

**30 JAMADILAWAL 1447H /
21 NOVEMBER 2025**

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

**TANDUS IMAN, KEMARAU JIWA****21 NOVEMBER 2025 / 30 JAMADILAWAL 1447H**

أَحْمَدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿وَمَنْ أَعْرَضَ عَنْ ذِكْرِي فَإِنَّ لَهُ مَعِيشَةً ضَنْكًا وَنَحْشُرُهُ يَوْمَ الْقِيَمَةِ أَعْمَى﴾

طه [124]

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa yang bukan sekadar pada lafaz, tetapi pada tindakan dan niat. Takwa yang menjadikan kita jujur dalam pekerjaan, beramanah dalam tanggungjawab, dan tenang dalam ujian. Kita hidup di zaman yang serba maju, namun ramai yang berasa kosong. Teknologi berkembang, tetapi jiwa manusia semakin rapuh. Bangunan semakin tinggi, tetapi nilai semakin runtuh.

Kita berhubung setiap detik melalui gajet, tetapi semakin jauh antara hati. Inilah yang dinamakan tandus iman dan kemarau jiwa iaitu apabila manusia kehilangan makna hidup walau dikelilingi nikmat yang melimpah.

Sidang Jumaat yang dimulihkan,

Realiti ini bukan sekadar pemerhatian, tetapi disahkan oleh data. Laporan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan & Morbiditi 2023 mendapati seorang daripada tiga rakyat Malaysia dewasa mengalami tekanan atau keresahan jiwa. Kajian yang sama juga menunjukkan peningkatan kebimbangan terhadap kesihatan mental di Malaysia. Sekitar 1 daripada 20 orang dewasa mengalami simptom kemurungan, manakala 1 daripada 6 kanak-kanak atau remaja menunjukkan tanda-tanda masalah kesihatan mental. Lebih membimbangkan, kira-kira 424,000 remaja berumur antara 16 hingga 24 tahun dikenal pasti mengalami simptom kemurungan ringan hingga sederhana. Angka-angka ini bukan statistik kosong tapi ia tanda bahawa masyarakat moden sedang mencari ketenangan yang hilang. Kita semakin kaya, tetapi tidak semakin bahagia. Kita lebih sibuk, tetapi kurang berzikir. Kita pandai menguruskan projek dan perniagaan, tetapi gagal menguruskan hati sendiri.

Allah SWT berfirman dalam Surah Taha ayat 124 yang bermaksud:

“Dan sesiapa yang berpaling daripada peringatan-Ku, maka baginya kehidupan yang sempit; dan pada hari Kiamat Kami akan bangkitkan dia dalam keadaan buta.”

Ayat ini datang sebagai amaran lembut bahawa jiwa yang menjauh daripada Allah tidak akan pernah merasai kelapangan. Hati menjadi sempit, hidup terasa sesak, rezeki seakan tidak cukup, fikiran kacau semuanya bermula apabila zikir dan peringatan Allah ditinggalkan.

Sidang Jumaat yang dimulihkan,

Antara punca tandus iman ialah solat yang diabaikan. Solat bukan ritual rutin, tetapi sistem kawalan moral yang Allah tetapkan untuk menegakkan disiplin spiritual manusia. Apabila solat diringkaskan, hati akan hilang keseimbangan. Ramai yang rajin mengejar masa untuk kerja dan hiburan, tetapi tidak untuk solat berjemaah. Kita bimbang lewat mesyuarat, tetapi tidak bimbang lewat sujud.

Rasulullah SAW bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam at-Tirmidzi daripada Buraidah bin Al-Husaib RA yang bermaksud;

“Perjanjian antara kami dan mereka ialah solat; sesiapa yang meninggalkannya, maka dia telah kufur.”

Solat ialah indikator iman; apabila solat longgar, akhlak juga goyah, apabila solat tidak ditegakkan dengan sempurna, maka lahirlah generasi yang hilang rasa malu, lemah jiwanya dan longgar pegangan agamanya.

Sidang Jumaat yang dikasihi,

Punca kedua ialah dosa yang menjadi kebiasaan. Kita hidup dalam dunia tanpa sempadan moral di mana maksiat boleh berlaku dalam genggam tangan. Gambar, kata dan hiburan yang menyalahi batas menjadi norma harian. Hati yang sentiasa diselubungi dosa akan hilang sensitiviti terhadap kebenaran.

Rasulullah SAW bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam at-Tirmidzi daripada Abu Hurairah RA yang berbunyi;

“Apabila seseorang hamba melakukan dosa, maka satu titik hitam akan muncul di dalam hatinya.”

Apabila dosa dilakukan tanpa rasa bersalah, hati akan menjadi gelap dan iman pun pudar. Hati yang gelap tidak akan mampu menerima cahaya kebenaran, ibarat tanah gersang yang tidak mampu menumbuhkan benih.

Sidang Jumaat yang dimuliakan,

Punca ketiga tandus iman ialah cinta dunia yang berlebihan. Kita sibuk memperindah rumah, tetapi melupakan penghuni sebenar hati. Kita berhabis tenaga mencari harta, tetapi lupa bahawa nilai sebenar bukan pada apa yang kita miliki, tetapi pada apa yang kita beri.

Rasulullah SAW bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh al-Baihaqi;

“Cinta dunia adalah punca segala kesalahan”.

Kita tidak dilarang mencintai dunia, tetapi kita dilarang diperhambakan olehnya. Apabila cinta dunia menguasai hati, maka keikhlasan akan hilang, dan kemanusiaan akan mati perlahan-lahan.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Namun rahmat Allah itu luas. Walau hati tandus, Allah masih membuka peluang untuk kita kembali. Taubat adalah hujan rahmat yang menyegarkan tanah hati yang kering. Ia menumbuhkan semula harapan dan menghidupkan kembali nilai iman.

Allah SWT berfirman dalam Surah al-Furqan ayat 70:

فَأُولَٰئِكَ يَبْدِلُ اللَّهُ سَيِّئَاتِهِمْ حَسَنَاتٍ

Maksudnya: *“Maka mereka itulah yang akan digantikan Allah kejahatan mereka dengan kebaikan”.*

Betapa besarnya kasih Allah, dosa bukan sekadar diampunkan, bahkan ditukar menjadi pahala bagi mereka yang benar-benar kembali. Hati yang kembali kepada Allah pasti akan menemukan ketenangan yang tidak mampu diberi oleh dunia. Inilah hakikat bahagia yang dicari oleh jiwa-jiwa yang tandus.

Sidang Jumaat yang dimulihkan,

Untuk menyuburkan semula iman yang tandus, marilah kita hayati tiga perkara utama:

Pertama:

Tegakkan solat dengan penuh kesedaran. Solat bukan sekadar ibadah, tetapi sistem latihan rohani yang mengekang jiwa daripada maksiat dan kelalaian.

Kedua:

Jauhi dosa dan maksiat sama ada di dunia nyata mahupun dunia maya. Kawal pandangan, jaga perkataan, dan pelihara hati daripada kebiasaan dosa.

Ketiga:

Gunakan nikmat dunia sebagai jambatan ke akhirat. Dunia ini bukan musuh, tetapi alat untuk menzahirkan ketaatan. Jadikan kemewahan sebagai peluang untuk memberi dan berkhidmat, bukan sebagai lambang status.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Dalam suasana kita menyambut Bulan Keluarga Kebangsaan 2025, marilah kita insafi bahawa kekuatan iman bermula daripada keluarga yang berkasih sayang dan berakhlak. Keluarga yang subur dengan kasih bukan sahaja melahirkan generasi yang sejahtera jiwa dan tingkah laku, bahkan menjadi benteng pertama menentang gejala sosial yang menular. Justeru, kasih dalam keluarga mesti dipupuk dengan keimanan, komunikasi dan doa bersama agar rumahtangga menjadi ruang untuk berteduh, bukan medan untuk bergaduh.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا

الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلِكِنَا كَبَاوَهُ دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا يَغْ د-قُرْتَوَانِ اِكْخُوغْ سُلْطَانِ إِبْرَاهِيمِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا رَاغْ قُرْمَايسُورِي اِكْخُوغْ، رَاغْ زَارِيثُ صُوفِيَاهُ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَائِهِ وَقُضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رَخَاءٍ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَنْصُرْ إِخْوَانَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

﴿ إِنَّا نَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴾ ﴿٩٠﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ
أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.